

Headline **Jaga genggam sarjana**  
Date **23. Oct 2008**  
Media Title **Harian Metro**  
Section **Setempat**  
Circulation **336603**  
Readership **2192000**

Language **MALAY**  
Page No **16**  
Article Size **284** cm2  
Frequency **Daily**  
Color **Full Color**  
AdValue **13031.48**



# Jaga genggam sarjana

Ahmad Razei anggap usia bukan penghalang kejayaan



>>Oleh **Faizatul Farlin Farush Khan**  
ffarlin@metrometro.com.my

**S**ERDANG: Tugasnya sebagai pengawal keselamatan di Universiti Putra Malaysia (UPM) menerbitkan rasa 'cemburu' setiap kali melihat seorang demi seorang graduan mengenggam ijazah sehingga akhirnya dia membuat keputusan mengikut jejak mereka menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Ahmad Razei Abu Bakar, 49, berkata melihat kejayaan pelajar di universiti itu, dia berazam mendapatkan seku-

rang-kurangnya segulung ijazah sebelum pencen daripada tugasnya.

Dia yang bertugas di UPM sejak 1979 dengan gaji permulaan sekitar RM200 ketika itu, kini mampu berbangga apabila berjaya mengenggam Sarjana Linguistik pada Istiadat Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-32 di sini, semalam.

Pada 2003, Ahmad Razei menerima ijazah sarjana muda dalam bidang sama sebelum meneruskan pengajian ke peringkat seterusnya.

"Apabila melihat graduan keluar masuk universiti ini bersilih ganti, hati saya terdetik 'kalau mereka boleh kenapa aku tak boleh' dan saya gembira akhirnya hajat saya tercapai," katanya.

Lebih manis kejayaannya



**Apabila melihat graduan keluar masuk universiti ini bersilih ganti, hati saya terdetik 'kalau mereka boleh kenapa aku tak boleh' dan saya gembira akhirnya hajat saya tercapai"**

>Ahmad Razei Abu Bakar  
Graduan Sarjana Linguistik



**TANDA KASIH...**Nur Nadjah memberi ciuman tahniah kepada ayahnya.

turut dikongsi bersama anak kedua, Nur Nadjah, 21, yang menerima Diploma Pengurusan Perladangan Makanan pada istiadat konvokesyen sama.

Bapa kepada 11 anak itu berkata, keputusannya menyambung pengajian biarpun usia sudah lanjut juga sebagai pendorong kepada semua anaknya untuk berjaya dalam pelajaran dan tidak menjadikan faktor usia sebagai halangan.

Ahmad Razei yang bercita-cita menjadi tenaga pengajar berkata, dia berhasrat menyambung pengajian ke peringkat doktor falsafah (PhD) kerana baginya pendidikan adalah untuk sepanjang hayat.

Nur Nadjah pula berkata, sebagai anak, dia berbangga dengan kejayaan ayahnya dan berhasrat menyambung pengajian bagi menyaingi semangat ayahnya.